

Demonstrasi bukan cara atasi masalah: PM

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak akan tunduk kepada ugutan dan tindakan kekerasan yang dilakukan oleh kumpulan tertentu dalam mengatasi isu kutipan tol di Cheras, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, sebarang demonstrasi yang bertujuan menyatakan bantahan terhadap sesuatu perkara sehingga boleh menimbulkan ketegangan, bukanlah cara untuk menyelesaikan masalah.

"Kita akan hanya melayan bantahan orang ramai jika ia dilakukan mengikut saluran yang betul. Kita memang biasa melayan desakan dan permintaan orang ramai tapi bu-

kanlah desakan yang dilakukan secara kekerasan," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini semalam.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai kejadian tunjuk perasaan oleh kira-kira 1,000 orang sehingga menceguskan rusuhan di Plaza Tol Km 8, Cheras, malam kelmarin sehingga Unit Simpanan Persekutuan terpaksa dipanggil untuk mengawal keadaan.

Mereka bertindak demikian sebagai bantahan kepada bayaran tol sebanyak \$1, yang disifatkan terlalu mahal.

Perdana Menteri berkata,

kerajaan bersedia berunding dengan pihak terbabit bagi mengatasi masalah berkenaan "tetapi mereka janganlah tunjuk perasaan pula."

Menurutnya, kejadian malam kelmarin menjadi tegang kerana campur tangan parti politik yang tidak bertanggungjawab, yang mengapi-apikan perasaan orang ramai.

"Mereka yang terbabit dalam demonstrasi itu tidak sepatutnya membuat ugutan dengan mengatakan mereka tidak akan mengundi kerajaan jika kadar tol di situ tidak dikurangkan.

"Jadi, jika mereka awal-awal sudah mengatakan tidak

akan mengundi kerajaan, kemungkinan kita hendak turunkan (kadar tol) tidak ada langsung," katanya.

Ditanya sama ada tunjuk perasaan itu adalah langkah terakhir selepas rayuan mereka supaya dikurangkan kadar tol tidak diindahkan kerajaan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Rayuan apa? Mereka tidak membuat sebarang rayuan pun. Saya juga tidak menerima rayuan mereka. Yang saya tahu mereka memberitahu masalah itu kepada Encik Lee Lam Thye (Ahli Parlimen DAP Bukit Bintang). Suruhlah Encik Lee selesaikan masalah mereka."